

11 FEB 1998

Mohamed-derma

KABINET TETAPKAN PERBENDAHARAAN TERIMA SUMBANGAN ORANG RAMAI

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Jemaah Menteri hari ini menetapkan Perbendaharaan sebagai badan untuk menerima sumbangan orang ramai bagi tujuan meningkatkan rizab negara, kata Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat.

Oleh itu, katanya, cadangan Kementerian Penerangan menubuhkan tabungnya sendiri bagi tujuan itu kini dibatalkan.

Namun kementerian akan meneruskan kempen Gerakan Setia Negara bagi menggalakkan rakyat menghulur apa jua derma sama ada berbentuk wang, barang kemas atau barang berharga lain, katanya kepada pemberita di Angkasapuri.

"Oleh kerana kerajaan telah memutuskan bahawa mekanisme bagi menerima derma ini ialah pihak Perbendaharaan, maka kementerian tidak akan mengadakan tabung yang dicadangkan itu," katanya.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan merujuk kepada mesyuarat kabinet hari ini bagi mendapatkan persetujuan berhubung badan khas yang akan menerima sumbangan umum untuk meningkatkan rizab negara.

Menurut Mohamed, minat rakyat menderma kepada negara adalah tinggi sejak Dr Mahathir mengumumkan tiga hari lepas mengenai kesediaan kerajaan menerima sumbangan mereka bagi tujuan meningkatkan rizab negara.

Malahan Mohamed berkata beliau telah menerima permohonan daripada rakyat luar negara semalam yang hendak menderma barang berharga kepada Malaysia.

Beliau tidak mahu menyatakan bentuk barangan berkenaan tetapi upacara penerimaannya akan diadakan minggu depan.

Katanya, kempen yang akan dijalankan oleh kementerian itu bertujuan memaklumkan kepada orang ramai bahawa mereka boleh menghantar segala sumbangan secara terus kepada Perbendaharaan.

Kementerian juga sedia menerima sumbangan itu dan merekodkannya untuk dihantar kepada Perbendaharaan, katanya.

Mohamed juga berkata kutipan yang dibuat dua hari lepas oleh Kementerian Penerangan daripada pegawai dan kakitangan agensi-agensinya akan diserahkan kepada Perbendaharaan.

Beliau berkata sebarang usaha oleh pihak tertentu yang lain untuk mengumpul derma itu tidak akan dibenarkan.

"Kita faham usaha seperti ini mungkin boleh disalahgunakan...ada juga yang menyatakan kepada saya mereka hendak menganjur jamuan dan kegiatan memungut derma, ini tidak dibenarkan.

"Kalaupun ada rayuan yang dibuat oleh mana-mana pihak kononnya bagi mengutip derma bagi tujuan ini, saya harap orang ramai berjaga-jaga dan melaporkan kepada pihak berkuasa," katanya. -- BERNAMA

AZZ MAI